

25 JAN 2002

Ling-Subang/I

KERTAS KABINET MENGENAI LAPANGAN TERBANG SAAS DISEDIAKAN

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan sedang menyediakan satu kertas kabinet mengenai masa depan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (SAAS) di Subang selepas operasi penerbangan komersil dialihkan ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang tidak lama lagi.

Menterinya Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang memberitahu perkara itu bagaimanapun tidak memaklumkan bila penerbangan komersil di SAAS yang kebanyakan membabitkan penerbangan domestik akan dihentikan.

"Biarlah kerajaan menentukannya," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan mencipta logo Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di sini hari ini.

Dr Ling berkata demikian apabila ditanya bilakah operasi penerbangan komersil akan beralih ke KLIA ekoran perkhidmatan Express Rail Link (ERL) dari KL Sentral ke KLIA memulakan operasinya 19 April depan.

SAAS pernah ditutup apabila semua penerbangan komersil beralih ke KLIA pada 30 Jun 1998 tetapi kemudiannya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan Terminal Tiga dibuka bagi kemudahan penerbangan domestik.

Pada masa ini, empat syarikat iaitu Penerbangan Malaysia (MAS), Air Asia, Berjaya Air dan Pelangi Air beroperasi di SAAS tetapi Pelangi Air telah menghentikan operasinya sejak November lepas.

Mengenai masalah kewangan yang melanda Pelangi Air, Dr Ling berkata ada pihak yang berminat mengambilalih syarikat itu.

Pelangi Air beroperasi sejak 1997 dengan menyediakan perkhidmatan harian ke lapan buah destinasi. Kerajaan negeri Terengganu mempunyai kepentingan 31 peratus di dalam syarikat berkenaan.

-- BERNAMA

AT HS MOZ